



PRESS RELEASE

SIRIM ACTIVATES SAFETY MEASURES FOLLOWING STAFF CONFIRMED COVID-19

SHAH ALAM, 11 MARCH 2020: Following one confirmed case of Covid-19 affecting an employee in its headquarters here on Tuesday, SIRIM has activated appropriate public safety measures to prevent any potential risks of the virus spreading further.

The affected areas and common compound have been sanitized. We are also taking additional steps such as providing hand sanitizers at public areas in all SIRIM buildings here and at SIRIM state offices, screenings of visitors at entry points as well as increasing the frequency of cleaning and disinfecting of high traffic and usage areas on a daily basis.

Employees who were in close contact with the affected employee have also undergone screenings and tests as per the guidelines set by the Ministry of Health and had started self-quarantine.

SIRIM offices at other locations are not affected however similar preventive actions are being taken.

We will remain vigilant amid the Covid-19 threat and continue to take necessary measures to safeguard the well-being of our employees, customers and stakeholders.

###

About SIRIM Berhad

A wholly-owned company of the Malaysian Government under the Ministry of International Trade and Industry, SIRIM Berhad is a leading organisation for technology and quality solutions specialising in: Industrial Research, Technology Development and Commercialisation; Certification, Testing and Inspection; Measurement and Calibration; Training; Standards Research and Development; Technology-based Entrepreneurship; and Design Advisory. www.sirim.my

Media Contact:

- Ruhil Amani Zainal Abidin, Tel: 03 55446770 / 013 2010402 or e-mail: ruhil@sirim.my
- Amalia Hasannudin, Tel: 03 55445021/ 017 3096519 or e-mail: amalia@sirim.my



SIARAN MEDIA

SIRIM AMBIL LANGKAH PENCEGAHAN BERIKUTAN SEORANG ANGGOTA KERJA POSITIF COVID-19

SHAH ALAM, 11 MAC 2020: Berikutan satu kes positif Covid-19 yang melibatkan seorang anggota kerja di ibupejabat SIRIM di sini pada Selasa, SIRIM telah mengambil langkah sewajarnya untuk memastikan keselamatan awam dan mencegah sebarang potensi risiko penyebaran virus itu.

Kawasan yang terlibat serta kawasan guna sama telah pun menjalani proses sanitasi. Kami juga telah mengambil langkah seterusnya seperti menyediakan 'hand-sanitizer' di kawasan-kawasan awam di bangunan SIRIM di sini dan juga di negeri-negeri; melakukan penapisan pelawat di pintu-pintu masuk serta meningkatkan frekuensi pembersihan dan menyahjangkit di kawasan yang tinggi jumlah pelawat dan penggunaannya setiap hari.

Anggota kerja yang mempunyai kontak rapat dengan anggota kerja yang positif Covid-19 itu juga telah menjalani ujian seperti yang ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan dan juga telah memulakan kuarantin.

Pejabat-pejabat SIRIM di lokasi lain tidak terbabit dengan penyebaran virus itu walaubagaimanapun langkah-langkah pencegahan serupa turut diambil.

Kami akan sentiasa memantau keadaan Covid-19 ini dan memastikan langkah-langkah sewajarnya diambil untuk memastikan kesejahteraan anggota kerja, pelanggan dan pemegang kepentingan SIRIM.

###

Mengenai SIRIM Berhad

SIRIM Berhad, anak syarikat Kerajaan Malaysia di bawah Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri adalah organisasi peneraju bagi penyelesaian teknologi dan kualiti yang memberi tumpuan kepada Penyelidikan Perindustrian, Pembangunan Teknologi dan Pengkomersilan; Pensijilan, Pengujian dan Pemeriksaan; Pengukuran dan Penentukuran; Latihan; Penyelidikan dan Pembangunan Standard; Keusahawanan berasaskan Teknologi; dan Perundingan Reka bentuk. www.sirim.my

Perhubungan Media

- Ruhil Amani Zainal Abidin, Tel: 603 5544 6770 / 013-2010402 emel: ruhil@sirim.my
- Amalia Hasannudin, Tel: 603 5544 5021 / 017-3096519 emel: amalia@sirim.my



EDARAN SEGERA

Kepada : Semua Anggota Kerja Kumpulan SIRIM

Daripada : Presiden dan Ketua Eksekutif Kumpulan

Tarikh : 12 Mac 2020

Perkara : Garispanduan Membendung Penularan Wabak COVID-19

Pengurusan Kumpulan SIRIM memberi perhatian serius terhadap penularan wabak COVID-19 yang melanda negara. Garispanduan ini salah satu langkah yang diambil untuk membendung penularan wabak COVID-19 di negara ini, khususnya di SIRIM.

Garispanduan ini bertujuan untuk :

- a) memberi maklumat tentang langkah kawalan penularan wabak COVID-19
- b) memastikan anggota kerja menjalankan tugas dengan selamat dan sihat

[A] Nasihat Perjalanan

Perjalanan Rasmi ke Luar Negara

1. Pengurusan Kumpulan SIRIM telah mengambil keputusan untuk mengeluarkan Larangan Perjalanan ke atas semua perjalanan rasmi ke luar negara, berkuatkuasa serta merta sehingga notis selanjutnya.
2. Perjalanan ke luar negara yang sangat diperlukan, mungkin diberi pengecualian. Pengecualian ini perlu dijustifikasikan dan diluluskan oleh Ketua Pegawai Eksekutif/Naib Presiden.

Perjalanan Rasmi di Dalam Negara

Perjalanan rasmi yang melibatkan aktiviti yang berkaitan perniagaan sahaja yang dibenarkan. Aktiviti tersebut ialah audit luaran (external audit), pemeriksaan dan saksi pengujian di syarikat luar, pensampelan, konsultasi dan latihan dan penyelenggaraan fasiliti. Anggota kerja yang terlibat perlu mengambil langkah-langkah kawalan yang sewajarnya untuk mengawal jangkitan.

Perjalanan Peribadi ke Luar Negara

1. Pengurusan Kumpulan SIRIM mengesyorkan kepada anggota kerja mengkaji semula rancangan perjalanan peribadi ke luar negara. Pengurusan Kumpulan SIRIM sangat tidak menggalakkan anggota kerja membuat perjalanan peribadi ke negara-negara yang berisiko tinggi, sebagai langkah untuk mengurangkan pendedahan kepada rakan sepejabat, ahli keluarga dan lain-lain.
2. Negara-negara yang berisiko tinggi didefinisikan sebagai negara yang mempunyai kes yang disahkan positif melebihi 150. Anggota kerja boleh merujuk kepada pautan-pautan seperti berikut:

<http://www.moh.gov.my/index.php/pages/view/2019-ncov-wuhan>

<https://infographics.channelnewsasia.com/covid-19/map.html>

Tindakan Sejurus Kembali dari Luar Negara

1. Anggota kerja yang baru kembali dari luar negara adalah DIWAJIBKAN setibanya ke Malaysia, dengan secepat mungkin, dan tidak melebihi dalam tempoh 24 jam, menjalankan pemeriksaan kesihatan melalui: -
 - a) Klinik/Hospital Kerajaan yang berhampiran
 - b) Tanya Doktor Pakar KKM - 8.30 pagi hingga 5.00 petang setiap hari (di laman web KKM); atau
 - c) *DoctorOnCall* beroperasi daripada jam 8.00 pagi hingga 12.00 tengah malam setiap hari (<https://www.doctoroncall.com.my/coronavirus>); atau
2. Anggota kerja perlu mengelak dari terlibat di dalam sebarang bentuk perjumpaan atau perhimpunan rasmi (contohnya mesyuarat, taklimat, audit dan lain-lain) di dalam tempoh dua (2) minggu dari tarikh tiba ke Malaysia. Mereka juga perlu memakai penutup mulut sepanjang tempoh tersebut.
3. Anggota kerja yang menunjukkan gejala demam, batuk, selsema, sukar bernafas, sakit kepala, sakit tekak dan lain-lain, di dalam tempoh dua (2) minggu dari tarikh tiba ke Malaysia adalah DIWAJIBKAN :
 - a) memaklumkan tentang status kesihatan mereka kepada penyelia mereka
 - b) menjalankan pemeriksaan kesihatan dengan segera di klinik/hospital kerajaan
 - c) memaklumkan hasil pemeriksaan kesihatan oleh pengamal perubatan berdaftar atau pegawai perubatan berdaftar, tetapi tidak melebihi dalam tempoh 24 jam, kepada penyelia mereka

[B] Kemasukan rakan perniagaan dari luar negara ke premis SIRIM

1. Kemasukan tetamu/pelanggan/juruaudit/rakan perniagaan yang baru tiba ke Malaysia (kurang daripada dua (2) minggu dari tarikh tiba ke Malaysia) dari negara-negara yang berisiko tinggi ke semua premis pejabat SIRIM seluruh negara, adalah dinafikan dan dilarang.
2. Bagi tetamu/pelanggan/juruaudit/rakan perniagaan yang baru tiba ke Malaysia (kurang daripada dua (2) minggu dari tarikh tiba ke Malaysia) dari negara-negara yang kurang berisiko, perlu

terlebih dahulu menyerahkan sejarah perjalanan (travelling history) mereka kepada anggota kerja yang berurusan. Sekiranya tetamu/pelanggan/juruaudit/rakan perniagaan tersebut mempunyai sejarah perjalanan di negara-negara berisiko di dalam tempoh kurang daripada dua (2) minggu, kemasukan mereka adalah dinafikan dan dilarang.

3. Anggota kerja perlu memaklumkan situasi semasa kepada tetamu/pelanggan/juruaudit/rakan perniagaan dan memberi peluang kepada mereka membuat keputusan sama ada bersetuju meneruskan dengan aktiviti atau sebaliknya.

[C] Langkah Membendung Penyebaran Wabak COVID-19

Kontak rapat (close contact) dengan ahli keluarga/rakan sekerja yang disahkan dengan COVID-19

1. Definisi Kontak Rapat (Close Contact) adalah :
 - a) berada kurang daripada dua (2) meter dari kes COVID-19 untuk semua situasi (bekerja, tinggal bersama, melawat dan lain-lain)
 - b) terdedah kepada rembesan berjangkit daripada kes COVID-19
2. Anggota kerja yang kontak rapat dengan ahli keluarga/rakan sekerja yang telah disahkan dengan COVID-19 adalah DIWAJIBKAN :
 - a) memaklumkan kepada Sumber Manusia Kumpulan dengan segera
 - b) menjalankan pemeriksaan kesihatan di hospital kerajaan dengan segera
 - c) memaklumkan hasil pemeriksaan kesihatan oleh pengamal perubatan berdaftar atau pegawai perubatan berdaftar, tetapi tidak melebihi dalam tempoh 24 jam, kepada penyelia mereka
3. Sumber Manusia Kumpulan boleh mengeluarkan arahan Pemerhatian di Rumah Kediaman untuk anggota kerja tersebut sekiranya tiada Perintah Kuarantin atau Perintah Pengawasan dan Pemerhatian di Rumah Kediaman dikeluarkan oleh pengamal perubatan berdaftar.

Anggota kerja yang disahkan mempunyai jangkitan wabak COVID-19

1. Anggota kerja yang disahkan mempunyai jangkitan wabak COVID-19 dan diberi arahan kuarantin, samada di hospital atau di rumah, oleh pengamal perubatan berdaftar atau pegawai perubatan berdaftar, mereka : -
 - a) diberi cuti kuarantin atau kelayakan hospitalisasi sepanjang tempoh kuarantin;
 - b) dibayar gaji pada kadar biasa semasa tempoh perintah kuarantin atau perintah pengawasan dan pemerhatian di rumah kediaman; dan
 - c) tidak perlu menggunakan kelayakan cuti tahunan anggota kerja atau bercuti tanpa gaji sepanjang Perintah Kuarantin atau Perintah Pengawasan dan Pemerhatian di Rumah Kediaman
2. Kos pemeriksaan kesihatan oleh pengamal perubatan berdaftar atau pegawai perubatan berdaftar ditanggung oleh Kumpulan SIRIM.

Arahan bekerja dari rumah

1. Ketua Jabatan boleh mengarahkan anggota kerja yang sihat dan baru kembali dari negara-negara berisiko tinggi untuk bekerja dari rumah.
2. Ketua Jabatan perlu mendapatkan kelulusan daripada Naib Presiden Kanan, Sumber Manusia Kumpulan terlebih dahulu sebelum memberi arahan tersebut.
3. Bilangan hari maksimum untuk anggota kerja bekerja dari rumah adalah 14 hari (termasuk hari Sabtu, Ahad dan cuti umum).
4. Sepanjang tempoh bekerja dari rumah, anggota kerja perlu:
 - a) sentiasa berada di rumah
 - b) boleh dihubungi dengan mudah sepanjang waktu bekerja
 - c) melapor diri kepada penyelia setiap pagi dan petang (clock in & clock out)
 - d) tidak menyalahgunakan arahan ini dengan melakukan perkara yang tidak berkaitan dengan pekerjaan di SIRIM

Mesyuarat, majlis rasmi, perhimpunan dan sesi latihan

1. Anggota kerja tidak digalakkan menganjurkan atau menghadiri majlis rasmi, perhimpunan atau mesyuarat yang melebihi lima puluh (50) orang. Bagi mengekalkan kelangsungan perniagaan, anggota kerja perlu menggunakan kaedah alternatif seperti mesyuarat secara maya, 'conference call' (mesyuarat secara panggilan telefon) atau webinar.
2. Sekiranya mesyuarat perniagaan atau sesi latihan penting perlu dilaksanakan, sila ambil langkah-langkah keselamatan berikut:
 - a) Menyediakan langkah penjagaan seperti yang disarankan Kementerian Kesihatan seperti: saringan kesihatan peserta, penyediaan hand sanitisers
 - b) Semua peserta telah mengisi borang pengisytiharan kesihatan
 - c) Semua peserta tidak dikategori sebagai PUI (Person Under Investigation)

Arahan menghindari perhimpunan awam

Anggota kerja juga tidak digalakkan untuk menghadiri perhimpunan awam untuk meminimumkan penularan wabak COVID-19.

Tindakan tatatertib

Tindakan tatatertib mungkin akan dikenakan kepada mana-mana anggota kerja yang :

- a) tidak memaklumkan perjalanan mereka ke luar negara kepada penyelia
- b) tidak menjalankan pemeriksaan kesihatan seperti diwajibkan
- c) melanggar arahan Perintah Kuarantin atau Perintah Pengawasan dan Pemerhatian di Rumah Kediaman

Pemantauan kesihatan pelawat/kontraktor/rakan perniagaan

1. Pembantu keselamatan SIRIM akan menjalankan pemantauan kesihatan terhadap semua pelawat/kontraktor/rakan perniagaan sebelum memasuki premis SIRIM.
2. Semua pelawat/kontraktor/rakan perniagaan DIWAJIBKAN :
 - a) mengisi borang pengisytiharan kesihatan
 - b) diperiksa suhu badan. Jika suhu badan mereka melebihi 38°C, mereka tidak dibenarkan memasuki premis SIRIM
 - c) membersihkan tangan dengan `hand sanitiser' di pos kawalan keselamatan

Kawalan wabak di TASKA SIRIM

1. Ibubapa perlu memantau tahap kesihatan anak sebelum menghantar anak ke Taska SIRIM.
2. Penyelia Taska SIRIM berhak untuk tidak membenarkan mana-mana anak anggota kerja yang disyaki mempunyai gejala jangkitan wabak dari masuk ke Taska SIRIM.
3. Pembantu Taska SIRIM akan setiap hari mengambil suhu badan anak-anak yang dihantar ke Taska SIRIM.

[D] Kesimpulan

Anggota kerja diminta untuk mengambil segala langkah munasabah untuk membendung penyebaran wabak berjangkit dan mengikut arahan penjagaan kebersihan diri yang digariskan oleh SIRIM dan Kementerian Kesihatan Malaysia.

Pihak pengurusan Kumpulan SIRIM akan mengambil segala langkah yang perlu untuk menjaga keselamatan dan kesihatan anggota kerja di tempat kerja.

Anggota kerja boleh merujuk kepada Seksyen Komunikasi Strategik (Amalia Hasanuddin) , di talian 03-5544 5021 atau 017-3096 519, untuk maklumat lanjut.

Terima kasih.

Profesor Ir. Dr. Ahmad Fadzil Mohamad Hani, FASc, FIEM

Presiden & Ketua Eksekutif Kumpulan



TRAINER AND CONSULTANT HEALTH DECLARATION

This Health Declaration is to address SIRIM STS clients' concern on the present health condition of our trainers and consultants to deliver training and consultation services due to the following one confirmed case of **Covid-19** affecting an employee in its headquarters on 10 March 2020.

This declaration includes recent travel history to countries banned by the Malaysian Government **and** whether our trainers and consultants have been in close contact with the affected employee in SIRIM headquarters.

Please refer Press Release on the safety measures activated by SIRIM following staff confirmed Covid-19. Thank you.

1. I hereby declare that I have not travelled to and from countries experiencing COVID-19 outbreaks in the last 14 days.

| Negara Country | Bil. kes No. of cases | Bil. kematian No. of deaths | Negara Country | Bil. kes No. of cases | Bil. kematian No. of deaths | Negara Country | Bil. kes No. of cases | Bil. kematian No. of deaths |
|-------------------------------|--------------------------|--------------------------------|------------------------------|--------------------------|--------------------------------|---------------------------------------|--------------------------|--------------------------------|
| China | 80,958 | 3,152 | Mesir | 59 | 1 | Peru | 11 | 0 |
| Itali | 10,149 | 631 | India | 56 | 0 | Albania | 10 | 0 |
| Iran | 80,42 | 291 | Thailand | 53 | 1 | Belarus | 9 | 0 |
| Korea Selatan | 7,755 | 61 | San Marino | 51 | 2 | Costa Rica | 9 | 0 |
| Perancis | 1,784 | 33 | Lubnan | 41 | 1 | Hungary | 9 | 0 |
| Sepanyol | 1,695 | 35 | Portugal | 41 | 0 | Latvia | 8 | 0 |
| Jerman | 1,565 | 2 | Finland | 40 | 0 | Panama | 8 | 0 |
| Amerika Syarikat | 1,037 | 31 | Ireland | 34 | 0 | Mexico | 7 | 0 |
| Jepun | 581 | 12 | Filipina | 33 | 1 | Makedonia Utara | 7 | 0 |
| Switzerland | 491 | 3 | Brazil | 31 | 0 | Slovakia | 7 | 0 |
| Norway | 401 | 0 | Slovenia | 31 | 0 | Afrika Selatan | 7 | 0 |
| Belanda | 382 | 4 | Vietnam | 31 | 0 | Maldives | 6 | 0 |
| United Kingdom | 382 | 6 | Indonesia | 27 | 1 | Tunisia | 6 | 0 |
| Sweden | 355 | 0 | Palestin | 25 | 0 | Afghanistan | 5 | 0 |
| Belgium | 267 | 0 | Romania | 25 | 0 | Bosnia Herzegovina | 5 | 0 |
| Denmark | 262 | 0 | Qatar | 24 | 0 | Republik Dominika | 5 | 0 |
| Austria | 206 | 0 | Poland | 22 | 0 | Guiana Perancis | 5 | 0 |
| Bahrain | 189 | 0 | Algeria | 20 | 0 | Luxembourg | 5 | 0 |
| Singapura | 160 | 0 | Rusia | 20 | 0 | Malta | 5 | 0 |
| Malaysia | 149 | 0 | Arab Saudi | 20 | 0 | New Zealand | 5 | 0 |
| Australia | 107 | 3 | Argentina | 19 | 1 | Paraguay | 5 | 0 |
| Kanada | 93 | 1 | Oman | 18 | 0 | Serbia | 5 | 0 |
| Greece | 89 | 0 | Chile | 17 | 0 | Bulgaria | 4 | 0 |
| Iceland | 81 | 0 | Pakistan | 16 | 0 | Senegal | 4 | 0 |
| Israel | 76 | 0 | Ecuador | 15 | 0 | Bangladesh | 3 | 0 |
| UAE | 74 | 0 | Georgia | 15 | 0 | Colombia | 3 | 0 |
| Iraq | 71 | 7 | Croatia | 14 | 0 | Cyprus | 3 | 0 |
| Kuwait | 69 | 0 | Estonia | 12 | 0 | Lithuania | 3 | 0 |
| Republik Czech | 63 | 0 | Azerbaijan | 11 | 0 | Martynique | 3 | 0 |
| | | | | | | Moldova | 3 | 0 |
| Jumlah negara dengan satu kes | | 20 | Jumlah negara dengan dua kes | | 6 | Lain-lain/ Others (Kapal pesiaran) | | 696 7 |

Sumber: CPRC Kebangsaan dan WHO UKK MOH

(Dikemaskini jam 4.00 petang, 11 Mac 2020)
(Updated at 6.00 pm, 11 March 2020)

*This list may change from time to time. Please be informed on the latest update by Ministry of Health Malaysia.

2. I hereby declare that I have not been in close contact with the affected employee in SIRIM headquarters

3. I hereby declare that I do not having the following symptom since the last 14 days.

- a. Cough b. Flu c. Fever d. Breathing difficulties

Declared by;

Verified by Head of Section;

Signature: _____

Signature: _____

Name:


Name:


Contact No:

Contact No:

Date:

Date:

| | | | |
|---|--|--|---|
|  | | PENGISYTIHARAN KESIHATAN Health Declaration | |
| NAMA Name | | | |
| NO. TELEFON Contact number | | | |
| SYARIKAT Company | | | |
| KERAKYATAN Nationality | | <input type="checkbox"/> MALAYSIA | <input type="checkbox"/> Lain – lain: Nyatakan: Others: Specify: _____ |
| NAMA PEGAWAI SIRIM YANG DIHUBUNGI Name of SIRIM personnel | | | |
| BANGUNAN YANG DILAWATI Block Number / Department | | | |
| KAJISELIDIK SARINGAN KESIHATAN Health screening survey | | | |
| Lawatan ke luar negara di dalam tempoh 1 bulan kebelakangan Travel to/from overseas within 1 month | | <input type="checkbox"/> Ya Yes | <input type="checkbox"/> Tidak No |
| Jika YA, nama negara tersebut: If YES, specify country(ies) | | | |
| Adakah anda mengalami simptom berikut di dalam masa 2 minggu kebelakangan: (sila tandakan v) Kindly tick v if you exhibit such symptoms within the last 2 weeks | | | |
| <input type="checkbox"/> Batuk Cough | <input type="checkbox"/> Selsema Flu | <input type="checkbox"/> Sakit kepala Headache | <input type="checkbox"/> Demam Fever |
| | | <input type="checkbox"/> Sukar bernafas Breathing difficulties | |
| Segala maklumat yang saya berikan adalah benar. The information which I have provided is true | | | |
| Tandatangan: Signature | | Tarikh: Date | |

| | | | |
|---|--|--|---|
|  | | PENGISYTIHARAN KESIHATAN Health Declaration | |
| NAMA Name | | | |
| NO. TELEFON Contact number | | | |
| SYARIKAT Company | | | |
| KERAKYATAN Nationality | | <input type="checkbox"/> MALAYSIA | <input type="checkbox"/> Lain – lain: Nyatakan: Others: Specify: _____ |
| NAMA PEGAWAI SIRIM YANG DIHUBUNGI Name of SIRIM personnel | | | |
| BANGUNAN YANG DILAWATI Block Number / Department | | | |
| KAJISELIDIK SARINGAN KESIHATAN Health screening survey | | | |
| Lawatan ke luar negara di dalam tempoh 1 bulan kebelakangan Travel to/from overseas within 1 month | | <input type="checkbox"/> Ya Yes | <input type="checkbox"/> Tidak No |
| Jika YA, nama negara tersebut: If YES, specify country(ies) | | | |
| Adakah anda mengalami simptom berikut di dalam masa 2 minggu kebelakangan: (sila tandakan v) Kindly tick v if you exhibit such symptoms within the last 2 weeks | | | |
| <input type="checkbox"/> Batuk Cough | <input type="checkbox"/> Selsema Flu | <input type="checkbox"/> Sakit kepala Headache | <input type="checkbox"/> Demam Fever |
| | | <input type="checkbox"/> Sukar bernafas Breathing difficulties | |
| Segala maklumat yang saya berikan adalah benar. The information which I have provided is true | | | |
| Tandatangan: Signature | | Tarikh: Date | |